



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROJEK *FLYOVER* DARI ARAH
KOTA BHARU MERENTANGI BULATAN WAKAF
BHARU KE PENGKALAN KUBOR, KELANTAN**

PADA 26 JUN 2023

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,

1. Saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana pada hari ini kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama menghadiri **Majlis Perasmian Projek *Flyover* Dari Arah Kota Bharu Merentangi Bulatan Wakaf Bharu ke Pengkalan Kubor, Kelantan.**

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan** serta para hadirin kerana telah sudi untuk bersama-sama hadir pada hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia), pihak urus setia, dan seluruh pasukan yang terlibat dalam projek ini kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini. Tidak lupa juga kepada tetamu yang hadir dari pelbagai agensi kerajaan, pihak Kontraktor, serta rakan-rakan media.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa memberikan komitmen dalam membangunkan infrastruktur terbaik untuk rakyat Malaysia Madani. Projek Pembinaan *Flyover* dari Arah Kota Bharu Merentangi Bulatan Wakaf Bharu ke Pengkalan Kubor ini adalah salah satu projek yang membuktikan

komitmen KKR dalam memastikan pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara memberi manfaat kepada rakyat, di samping menyokong perkembangan ekonomi serta pembangunan yang holistik dan mampan kepada negara.

4. Untuk makluman, Projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dengan kos kontrak asal berjumlah RM105.5 juta. Namun, setelah penyelarasan semula, projek ini dapat disiapkan dengan kos kontrak semasa sebanyak RM 97.6 juta iaitu penjimatan sebanyak RM 7.9 juta dari kos asal. Syabas saya ucapkan.

5. Projek yang amat dinanti-nantikan oleh penduduk setempat ini telah mula dibina pada 19 Februari 2018 dan siap sepenuhnya pada 15 Jun 2023. Seperti mana semua hadirin sedia maklum, jalan Kota Bharu – Pengkalan Kubor yang melibatkan Laluan Persekutuan 03 (*Federal Trunk 03 – FT03*) ini seringkali mengalami kesesakan lalu lintas di Bulatan Wakaf Bharu terutama ketika waktu puncak seperti Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha yang bakal menjelang tidak lama lagi. Oleh itu, projek ini menjadi keutamaan dalam pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan kerana objektifnya untuk menyuraikan dan melancarkan trafik di laluan ini bagi memastikan keselesaan dan kesaling hubungan pengguna jalan raya khususnya penduduk di sekitar Wakaf Bharu.

6. Skop projek ini adalah melibatkan Pembinaan *Flyover* Jalan Berkembar 4 Lorong dengan Piawaian JKR U5 Melintasi Bulatan Wakaf Bharu sepanjang 470 meter, pelebaran dua (2) jambatan sedia ada iaitu Jambatan Atas Rel sepanjang 26.2 meter dan Jambatan Alor Kedemit sepanjang 25 meter, Menaiktaraf Bulatan Wakaf Bharu sedia ada kepada persimpangan lampu isyarat, pemasangan lampu dan perabot jalan, pengambilan balik tanah (PBT) dan kerja-kerja pengalihan utiliti. Projek ini juga merupakan projek rintis bagi pelaksanaan projek jalan secara *Building Information Modelling* (BIM) oleh JKR.

7. Untuk makluman hadirin sekalian, penggunaan BIM dalam pelaksanaan projek jalan akan dapat membantu dalam mengesan lebih awal isu percanggahan di antara reka bentuk dan pembinaan yang mungkin berlaku dengan bantuan model 3-dimensi reka bentuk jalan atau jambatan tersebut. Dalam erti kata lain, projek akan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dengan kurangnya isu percanggahan reka bentuk yang boleh melewati pelaksanaan projek sekiranya berlaku.

8. Inisiatif BIM dan juga Industrial Building System (IBS) ini juga merupakan antara sasaran penting yang telah saya bentangkan dalam Mesyuarat Khas Melibatkan Ahli Jemaah Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian Mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025 (KSP RMKe-12) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri baru- baru ini.

9. Cadangan menggunakan IBS dan BIM secara maksimum dalam sektor pembinaan adalah satu strategi berimpak tinggi yang mampu mengurangkan kebergantungan sektor pembinaan kepada pekerja asing melalui pengukuhan kompetensi dan adaptasi teknologi. Kejayaan ini akan dapat dicapai dengan kerjasama strategik bersama kementerian dan agensi yang relevan.

10. Dengan adaptasi teknologi sektor pembinaan sedia ada sebanyak 85.3% bagi projek awam dan 81% bagi projek swasta, saya yakin inisiatif untuk mencapai tahap adaptasi teknologi menggunakan IBS dan BIM kepada 100% akan tercapai dengan sokongan dan kerjasama sepadu dari semua pihak.

Hadirin yang saya hormati,

11. Dengan terlaksananya pembinaan projek flyover ini, kesesakan trafik yang dihadapi oleh penduduk sekitar akibat tahap perkhidmatan jalan (*Level of Service* - LOS) yang sebelum ini berada di tahap F dapat dipertingkatkan ke LOS C .

12. Prestasi sektor pembinaan secara keseluruhannya sering diukur melalui keupayaan menyiapkan projek berkualiti dalam suatu jangka masa tertentu dan mengikut peruntukan dan skop kerja yang ditetapkan yang akhirnya memberi manfaat kepada rakyat. Ini sejajar dengan nilai wadah

Malaysia Madani yang mengiktiraf hak setiap warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk hidup dalam persekitaran yang mampan dan menyumbang kepada kesejahteraan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan agensi-agensinya yang telah memberikan kerjasama erat dan saya mengharapkan kerjasama ini akan berterusan bagi pelaksanaan semua projek-projek di negeri Kelantan.

14. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya selaku tulang belakang projek, keseluruhan pasukan projek JKR Malaysia yang menjadi teraju utama dalam pelaksanaan projek pembinaan ini, para perunding yang menyelia dan mengawasi projek serta pihak kontraktor yang berjaya menyiapkan projek ini dengan komitmen dan usaha yang berterusan dari mula pembinaan sehingga tersergam indah pada hari ini.

15. Saya berharap segala aduan kecacatan oleh pihak pengguna dalam tempoh tanggungan kecacatan, diberi perhatian dan diambil tindakan segera untuk kebaikan bersama. Ini kerana, selepas sesuatu infrastruktur itu berjaya disiapkan, penyenggaraan infrastruktur tersebut adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian.

16. Bersempena dengan perayaan Hari Raya Aidiladha yang bakal disambut umat islam di negara ini, sudah pasti ramai yang akan pulang ke kampung halaman bersama keluarga masing-masing. Saya ingin memaklumkan bahawa selain pembukaan *Flyover* ini, jalan sementara 1 lorong 2 hala turut dibuka di Jalan Persekutuan FT2747 Gua Musang dari persimpangan Taman Wangi hingga ke persimpangan stesen minyak Petronas. Jalan sementara ini telah mula dibuka pada 25 Jun 2023 kepada kenderaan ringan sahaja. Saya berharap dengan pembukaan laluan sementara ini akan memberi kelegaan kepada pengguna jalan raya yang ingin pulang berhari raya di Kelantan sempena dengan sambutan perayaan Aidil Adha.

17. Kepada para pengguna jalan raya, saya ingin menyeru ini agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya demi memastikan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan ini tidak menjadi medan kemalangan dan kehilangan nyawa serta harta benda. Semoga para pengguna berpuas hati dengan kemudahan infrastruktur yang telah disediakan seterusnya dapat menikmati perjalanan yang lebih selesa dan selamat.

18. Akhir kata, dengan lafaz takzim saya bersama-sama **Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan** merasmikan *Flyover* dari arah Kota Bharu Merentangi bulatan Wakaf Bharu ke Pengkalan Kubor, Kelantan.

Sekian, terima kasih, salam Malaysia MADANI.

-Tamat-